

28 JUL 1998

SINGAPURA AKAN HORMATI KEPUTUSAN MALAYSIA, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 28 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata beliau yakin kerajaan Singapura akan menghormati pendirian Malaysia untuk tidak memindahkan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) negara ini dari stesen kereta api Tanjung Pagar ke Woodlands.

Katanya, hubungan sedia ada antara kedua-dua negara perlu dipelihara dan kemudahan perkhidmatan kereta api dari Johor Baharu boleh terus dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat kedua-dua negara.

"Kita menyokong penuh keputusan kerajaan pusat dan persefahaman yang telah lama termeterai antara kedua-dua negara," katanya kepada pemberita di sini selepas menerima cek zakat perniagaan dari Bank Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Namibia semalam bahawa Malaysia tidak memindahkan pusat pemeriksaan CIQ dari Tanjung Pagar ke Woodlands.

Pada bulan lepas, Singapura mengumumkan langkahnya untuk memindahkan CIQ republik itu dari Tanjung Pagar ke Woodlands pada 1 Ogos depan dan keputusan itu turut melibatkan pusat pemeriksaan CIQ Malaysia.

Terdahulu, Abdul Ghani berkata zakat perniagaan RM86,138.48 yang diserahkan oleh Bank Rakyat itu akan disalurkan ke sekolah-sekolah agama rakyat di Johor bagi tujuan pembinaan kemudahan dan pembesaran sekolah.

-- BERNAMA

RAM MAI